



14 DEC, 2022

## Tanaman sayur tidak menjadi musim hujan

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Masalah kulat, orang tengah punca harga mahal

# Tanaman sayur tidak menjadi musim hujan

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**IPOH** – Hasil tanaman pekebun sayur-sayuran di Cameron Highlands berkurangan antara 25 hingga 30 peratus ketika musim hujan, sekali gus menyebabkan sebilangan tanaman tersebut dijual mahal ketika ini.

Pengerusi Pekebun Sayur Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, penurunan hasil tanaman itu menyebabkan ia dijual mahal kepada pembeli di pasar-pasar borong.

"Harganya pula terus meningkat selepas dijual di pasar-pasar raya atau peruncit. Akhirnya harga sayur yang tinggi diterima pengguna.

"Biasanya harga akhir di pasaran meningkat sehingga 50 peratus berbanding nilai yang dijual petani kepada pemborong. Selalunya orang tengah dikawal oleh faktor pengeluaran dan permintaan di pasar borong," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, sayur yang biasa menghadapi peningkatan harga ketika musim tengkujuh termasuk sawi, bayam, cili, pak choy dan parsley.

Syed Abd. Rahman memberitahu, sebagai contoh, sawi dijual lebih RM2 sekilogram berbanding RM1.50 pada hari biasa, cili RM10 sekilogram berbanding RM7 dan bayam 80 sen hingga RM1 berbanding ketika ini melebihi RM2.

Selain itu, ujar beliau, petani juga berhadapan dengan masalah kulat, sekali gus menyebabkan pengeluaran sayur-sayuran berkurangan.

"Cuaca lembap menyebabkan kulat menyerang sesetengah sayur, sekali gus menjadi antara punca pengeluarannya berkurangan musim hujan," ujarnya.

Justeru, beliau berharap agar pihak seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu golongan pekebun sayur ketika musim tengkujuh dengan membelinya daripada mereka.

Katanya, FAMA juga boleh menggunakan bilik sejuk bagi menyimpan sayur-sayuran tersebut bagi memastikan bekalannya sentiasa ada di pasaran.



**HASIL** tanaman sayur di Cameron Highlands berkurangan ketika musim tengkujuh menyebabkan harganya melambung di pasaran. – GAMBAR HIASAN



14 DEC, 2022

## Tanaman sayur tidak menjadi musim hujan

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Masalah kulat, orang tengah punca harga mahal

IPOH - Hasil tanaman pekebun sayur-sayuran di Cameron Highlands berkurangan antara 25 hingga 30 peratus ketika musim hujan, sekali gus menyebabkan sebilangan tanaman tersebut dijual mahal ketika ini. Pengerusi Pekebun Sayur Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, penurunan hasil tanaman itu menyebabkan ia dijual mahal kepada pembeli di pasar-pasar borong."Harganya pula terus meningkat selepas dijual di pasarpasar raya atau peruncit.